


# MATA-MATA KINI PERMATA

MEMOIR DATO' HJ. ABD RAHMAN

PENGERUSI EKSEKUTIF  
KUMPULAN RAHMAN BROTHERS SDN BHD



4092  
BD



Dilahirkan pada 29 Oktober 1946. Ibu, Maimunah dipanggil Ilahi Oktober 1970 sementara bapa, Ibrahim Disember 2005. Saya minat berniaga dari kecil. Semasa di sekolah menengah saya dan adik saya Mohd Khir menjual kuih dan aiskrim. Pulangan baik dua usaha ini memupuk semangat mencuba yang lebih besar lagi, tetapi dipendamkan, kerana selepas sekolah pada tahun 1963 saya menjadi 'mata-mata' di Singapura.

Pada tahun 1966 saya berkahwin dengan Aminah (sekarang Datin Hajah Aminah bt Abdul Rahim) di Singapura. Apabila Singapura keluar dari Malaysia saya ditempatkan di Cawangan Khas Rompin, Pahang. Salah satu tugas ialah mengiringi lawatan VIP termasuk Tun Abdul Razak, PM masa itu yang kerap melawat Pekan dan Rompin. Melalui ucapan-ucapannya saya menghayati harapan kerajaan membangunkan ekonomi orang Melayu. Ini menyuntik semangat menceburi perniagaan tetapi kerana masih berkhidmat minat disimpan di sudut hati.

Sementara itu saya berkenalan dengan Mr. Tan Tien Lim seorang peniaga kereta. Dia sering menggalakkan saya berniaga macam dia. Tetapi terpaksa ditangguhkan lagi. Selepas 7 tahun pada tahun 1973 saya bertukar ke Johor Bahru di mana saya pernah ditugaskan menjadi pengiring Tun Dr. Mahathir, masa itu sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa. Saya sempat menyatakan hasrat menceburi bisnes. Tun berkata "Baguslah, tapi kamu perlu tahu mengurus kewangan dan akaun dengan baik."

# MATA-MATA KINI PERMATA

MEMOIR DATO' HJ. ABD RAHMAN

PENGERUSI EKSEKUTIF  
KUMPULAN RAHMAN BROTHERS SDN BHD



# MATA-MATA KINI PERMATA

EM IR DATO' HJ. ABD RAHMAN

PENGERUSI EKSEKUTIF  
KUMI ULAN RAHMAN BROTHERS SDN BHD



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PUSTAKA PERDANA



1012316



**Diterbitkan oleh:**

*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*

*No. 1 & 3, Jalan 3/91A*

*Taman Shamelin Perkasa, Cheras*

*56100 Kuala Lumpur*

*Tel: 03-92856577*

*Faks: 03-92846554/92875763*

© *Abd. Rahman Haji Ibrahim*

*Terbitan Pertama 2013*

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Abd. Rahman Haji Ibrahim, Dato'

Mata-mata kini permata memoir Dato' Hj. Abd Rahman

Mengandungi indeks

ISBN 978-967-61-2652-8

1. Abd. Rahman Haji Ibrahim, Dato'.

2. Businessman--Malaysia--Biography.

3. Muslim business people--Malaysia--Biography.

I. Judul.

338.04092

*Dicetak oleh:*

*PRIN-AD SDN. BHD.*

*No. 27-29, Jalan 2/148A,*

*Tmn. Sg. Besi Industrial Park,*

*57100 Kuala Lumpur.*



*Untuk isteri-isteri tersayang yang sentiasa berdoa dan bersikap sabar memberi sokongan perjuangan saya ...*

*Juga kepada generasi akan datang yang diharap dapat meneruskan dan memajukan lagi bisnes ini.*



# PRAKATA

Tun Dr. Mahathir Mohamad



Kisah kejayaan seseorang dalam bisnes memang banyak dibukukan. Tetapi bagi saya autobiografi Dato' Hj. Abd Rahman bertajuk *Mata-mata Kini Permata* ini ada keistimewaannya, kerana saya berpeluang mengikuti perjuangan beliau daripada mula-mula lagi lebih 35 tahun lalu.

Dalam pertemuan ringkas masa itu beliau menyatakan beliau hendak masuk bisnes dan saya secara spontan menggalakkan beliau. Masa itu saya adalah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan beliau sebagai 'mata-mata' mengiringi lawatan rasmi saya ke Johor Bahru. Ini yang dijadikan ilham tajuk autobiografinya.

Selepas itu hubungan kami tidak kerap tetapi kekal. Beliau pernah berjumpa saya di kementerian dan pada masa itulah permohonan AP-nya diluluskan. Maka bermulalah usaha bisnesnya dengan gigih.

Abd. Rahman mengurus sendiri bisnesnya. Beliau bekerja keras, siang malam berusaha mengatasi cabaran, tidak seperti mereka yang mencari jalan mudah dengan menjual AP dan menguntungkan orang



## MATA-MATA KINI PERMATA MEMOIR DATO' HJ. ABD. RAHMAN

lain. Sebenarnya mereka itu menjual peluang dan menjejaskan usaha kerajaan melaksanakan dasar ekonomi baru untuk memajukan taraf hidup kita.

Syabas Abd. Rahman. Kini anda sudah berjaya mendapat 'permata'. Gilaplah dan majukan lagi. Saya teruja mengetahui rancangan beliau melatih generasi kedua keluarganya untuk berjaya dalam bisnes dan mengambil alih syarikatnya nanti. Ini satu langkah wajar dan bijak. Semoga Abd. Rahman berjaya.

.... mata-mata telah benar-benar dapat permata. Kepada Abd. Rahman saya ucapkan tahniah sekali lagi. Saya juga berharap lebih ramai lagi yang berjaya sepertinya.

**Tun Dr. Mahathir Mohamad**  
Mantan Perdana Menteri Malaysia

# PENGHARGAAN



## Dato' Haji Abd. Rahman Haji Ibrahim

Ini kisah perjuangan saya untuk mencapai kejayaan dalam bisnes, daripada tiada sehingga menikmati lebih daripada cukupnya. Bukan senang hendak menjadi senang, kata orang. Tetapi ia boleh dicapai jika seseorang itu ada minat dan mahu bekerja rajin dan ada komitmen yang tinggi. Ia juga perlu amanah dan sabar mengharungi segala dugaan yang ada.

Kalau nak dikira penatnya memang tak terkira. Tetapi jalan keluar tetap ada bagi yang berusaha. Saya merakamkan penghargaan kepada kerajaan yang memberi laluan kepada orang Melayu mencuba bidang bisnes yang dahulunya dikuasai orang lain. Ia terbukti berjaya.

Sekarang ini saya bukanlah usahawan yang berjaya macam ramai jutawan ternama lain, atau peniaga yang berjaya menempa nama di persada dunia. Saya juga bukan bermegah dengan sedikit yang ada. Namun saya terpanggil untuk menulisnya untuk panduan anak-anak, anak saudara, rakan taulan terutamanya... agar ia dijadikan panduan berguna untuk meneruskan kejayaan ini.

A stylized, handwritten signature in black ink, consisting of several sweeping, overlapping lines that form a cursive shape.

**Dato Haji Abd. Rahman Haji Ibrahim**

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Rahman Brothers Sdn. Bhd.

# SEKAPUR SIRIH



## Tan Sri Zainuddin Maidin

Tajuk *Mata-mata Kini Permata* adalah menepati penceritaan dalam buku ini yang mengisahkan tentang seorang manusia yang ditakdirkan Allah dari sejak bangku sekolah rendah lagi telah dapat melihat sesuatu yang negatif dengan positif, melihat tekanan sebagai cabaran, melihat peluang keemasan dalam cabaran.

Apabila beliau merasakan tidak mendapat kasih sayang seimbang dari bapanya dibandingkan dengan kakak-kakak dan abang-abangnya, tidak mendapat wang sekolah yang tetap, tidak mendapat sebuah basikal yang diharapkannya, maka Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengajak adiknya berniaga menjual kuih di sekolah, dia tidak bersedih sebaliknya menganggap sebagai suatu pengajaran dari ayahnya seorang pegawai kerajaan bahawa “*no pain, no gain.*” Kesukaran ada kebaikannya.

Ketika itu beliau tentunya belum mengenali ayat al-Quran surah *al-Inshirah* ayat keempat dan lima: “Oleh itu maka tetapkanlah kepercayaanmu bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan”.

Apabila penjualan kuih mendatangkan pulangan yang baik, Abdul Rahman mengajak adiknya Mohd Khir menjual aiskrim di kampung-kampung dan di pasar-pasar dengan mendapatkan bekalan dari seorang pembuat aiskrim berbangsa Cina. Walaupun tidak bermodal tetapi



beliau menunjukkan kesungguhan dan kejujurannya kepada orang Cina ini dengan memberikan kad pengenalnya sebagai jaminan.

Menyadari perniagaan mendatangkan wang dengan banyak, maka semangatnya mulai mendarah daging dalam jiwanya dan kerana itu juga beliau tidak kekal dalam perkhidmatan polis dan menceburi dunia perniagaan yang membawa kejayaan besar dalam hidupnya.

Sesungguhnya ini adalah sebuah buku memoir seorang manusia yang menarik, mulai membacanya akan membawa kita terus membacanya kerana disampaikan dengan terus terang, jujur, ikhlas dan menyerlahkan keperibadiannya yang sebenar.

Abd Rahman berinteraksi dengan peniaga Cina dari sejak menjual aiskrim di Alor Setar hingga membawa kepada mempelajari perniagaan kereta dengan bekerja dengan sebuah syarikat Cina penjual kereta di Johor. Taukenya menasihatkan Abd Rahman menjalankan perniagaan sendiri.

Abd Rahman mengambil seorang Cina sebagai pekerja sambilan bagi menguruskan akaunnya kerana berpegang kepada pesanan Tun Dr. Mahathir supaya menjaga akaun dengan betul dan menguruskan kewangan dengan cekap apabila beliau hendak memulakan perniagaannya. Akhirnya orang Cina ini, Siow Ah Liu yang bekerja dengannya sejak 1978 telah menjadi pegawai tetapnya di bahagian kewangan sehingga sekarang.

Abd Rahman menjadikan falsafah hidup dari pengalamannya. “Jika kita ikhlas dengan siapa sahaja, tidak kira agama dan bangsa, sudah tentu mendapat kepercayaan daripada mereka.”

Beliau tidak melupakan orang yang dari awal membantunya sehingga berjaya. Sekalipun beliau tidak berpelajaran tinggi tetapi beliau dapat mengenali potensi seseorang yang hendak diberikan kepercayaan bagi membantu usahanya ke arah mencapai cita-citanya.

Dan mereka yang telah berjasa kepadanya termasuk pegawai kerajaan dihargainya malah adiknya yang telah bersama-sama dengannya sejak kecil, sekalipun telah tersalah langkah ketika bekerja dengannya



tetapi terpisah darinya hanya untuk sementara dan diambilnya semula bekerja dengannya kerana beliau percaya adiknya akan belajar daripada kesilapannya.

Abd Rahman juga tahu menilai apa erti kehidupan. Baginya “Saya mahu kesihatan, saya mahu keluarga bahagia, ada masa bersama mereka, saya mahu keimanan yang tetap terhadap Allah SWT, tidak mudah goyah dan saya juga mahu bisnes saya maju...”

Walaupun saya mengenali Abd Rahman sebagai saudara saya sejak tahun 70-an tetapi saya hanya lebih mengenali perwatakannya yang luar biasa dan tidak mengenali latar belakang hidupnya. Hanya buku ini memperkenalkan saya kepada Abd Rahman yang sebenarnya.

Sekarang saya menilai perwatakannya yang adakalanya tidak berdiplomasi dan mengusar saya, sebagai kriteria yang membawa kepada kejayaannya.

Beliau berani, agresif, terus terang, bertubi-tubi, gigih, nekad, tidak malu dan segan dalam perkara yang dia merasakan haknya. Dalam bahasa Kedah beliau dikatakan seorang yang hemoi, rampang, tebal muka dan lain-lain lagi yang mungkin didengar tidak manis tetapi kejayaan mencapai matlamatnya telah menutup beberapa kelemahannya dan perwatakannya terlihat sebagai keperluan dalam dunia perniagaan.

Adakala mendengarnya bercerita dan melihat pendekatannya, caranya bertindak dan bercakap tanpa diplomasi saya merasakan kelucuan dan ketidakwajaran tetapi di sebalik semua ini adalah penampilan seorang yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

Abd Rahman juga tidak menyembunyikan tentang hal peribadinya, tentang kesukaannya berkahwin, tidak hipokrit atau berpura-pura yang menyebabkan orang menerima dirinya yang tulen. Rahman adalah Rahman.

Walaupun telah berjaya besar dalam dunia perniagaan, mempelbagaikan perniagaannya, mengembangkannya ke luar negara di samping bercawangan dalam negara, tetapi Abdul Rahman tidak menampakkan pembaziran, pejabatnya, kedai perniagaannya, tempat



pameran keretanya, semuanya dalam keadaan sederhana. Yang utama baginya ialah praktikal dan bukan menampakkan keriaikan.

Seorang yang mendaki dari bawah, memang demikian sifatnya, mengambil kira setiap sen yang dibelanjakannya.

Pada pandangan saya buku ini patut dibaca oleh anak-anak muda Melayu yang mahu meneroka dunia perniagaan. Ia meyakinkan kita bahawa orang Melayu boleh berjaya dalam perniagaan seperti kaum lain jika kita mempunyai minat dan komitmen yang tinggi dan sanggup bertahan dan berani mengambil risiko apabila keadaan memerlukan. Dan apabila berjaya jangan lupa untuk membalas budi, jangan lupa kepada Allah.

Bagi saya sesuatu yang juga saya tidak lupa tentang perwatakan terus terang Abd Rahman ialah apabila di dalam suatu majlis perkahwinan anaknya di Johor Bahru, beliau menyampaikan penghargaan kepada semua isterinya, bermula dengan terima kasih kepada isteri pertama dan kedua dan seterusnya katanya kepada “bekas-bekas isteri saya” yang juga hadir atas jemputannya. Majlis gemuruh dengan gelak ketawa.

Tepat seperti ramalan bapanya apabila dia meminta wang untuk memulakan perniagaan tetapi bapanya tidak mahu memberikannya kerana “Nanti aku beri duit engkau pergi kahwin lagi.” Tetapi Abd Rahman tidak lagi perlu pinjam wang untuk kahwin lagi. Beliau berani dalam semua hal berbanding dengan lelaki lain.

Bagi saya Abd Rahman adalah seorang manusia yang luar biasa dan kerana keluarbiasaannya telah menjadikannya seorang Melayu terbilang.

Zainuddin Maidin

# KANDUNGAN

|  |     |
|--|-----|
| <i>Prakata: Tun Dr. Mahathir Mohamad</i>         | vi  |
| <i>Penghargaan: Dato' Abd Rahman Hj. Ibrahim</i> | vii |
| <i>Sekapur Sirih: Tan Sri Zainuddin Maidin</i>   | ix  |

## BAHAGIAN 1

|        |   |    |
|--------|---|----|
| BAB 1  | Pada Mulanya ...                              | 3  |
| BAB 2  | Mula Meneroka Bisnes                          | 10 |
| BAB 3  | Kemajuan Tersekat                             | 14 |
| BAB 4  | Masuk Perkhidmatan Polis Singapura 1963       | 20 |
| BAB 5  | Berpindah Bertugas di Malaysia                | 25 |
| BAB 6  | Pertukaran ke Johor Bahru                     | 33 |
| BAB 7  | Menceburi Bisnes Secara Percubaan             | 37 |
| BAB 8  | Bisnes Secara Serius                          | 45 |
| BAB 9  | Memulakan Bisnes Sendiri                      | 49 |
| BAB 10 | Berurusan di Pejabat Kerajaan                 | 53 |
| BAB 11 | Mengurus Modal Insan                          | 58 |
| BAB 12 | Memohon AP Sendiri                            | 61 |
| BAB 13 | Berpindah Rumah ke Taman Century, Johor Bahru | 73 |
| BAB 14 | Menamakan Syarikat 'Rahman Brothers'          | 77 |
| BAB 15 | Bisnes Maju dan Terus Maju                    | 82 |
| BAB 16 | Berpindah ke Langkawi                         | 86 |



## BAHAGIAN 2


|        |   |     |
|--------|---|-----|
| BAB 17 | Mula Bertapak di Kuala Lumpur pada 1990                       | 93  |
| BAB 18 | Mempelbagaikan Bisnes   | 96  |
| BAB 19 | Pelaburan Pertama ke Luar Negara:<br>Jepun dan United Kingdom | 129 |
| BAB 20 | Penutupan Syarikat  | 134 |
| BAB 21 | Sistem Penyampaian Kerajaan                                   | 140 |

## BAHAGIAN 3

|        |  |     |
|--------|--|-----|
| BAB 22 | 2012 dan Berikutnya Daripada 'One Man Show'<br>kepada Pengurusan Bisnes Korporat | 147 |
| BAB 23 | Dasar Automotif Negara dan Masa Depan AP   | 151 |
| BAB 24 | Reaksi Positif KRB Terhadap 'DAN & Penamatan AP'                                 | 156 |
| BAB 25 | Keluarga Bahagia   | 163 |
| BAB 26 | Kerja-kerja Kebajikan dan Pengiktirafan  | 167 |
| BAB 27 | Merancang Bisnes Melempi Tahun 2020  | 175 |
| BAB 28 | Mengurus Kejayaan  | 177 |
|        | <i>Lampiran</i>  | 179 |
|        | <i>Indeks</i>  | 185 |







# Bahagian Pertama

*Menyingkap fasa-fasa awal hidup sehingga memulakan bisnes ...*



# BAB 1


## PADA MULANYA ...

SAYA dilahirkan pada 29 Oktober 1946 di rumah nombor 35 A, Jalan Lumpur, Alor Setar. Sekarang ini kedua-dua orang tua saya sudah kembali ke rahmatullah. Arwah ibu bernama Maimunah bt Che Din dan arwah bapa bernama Haji Ibrahim b. Salleh.

Mengikut cerita abang dan kakak-kakak saya, pada usia saya lebih kurang 10 bulan, datuk saya sebelah ibu iaitu Che Din dan isterinya Ku Saodah bt. Ku Mohd Saad mengambil saya tinggal bersama-sama dengan mereka. Panggilan mesra saya kepada mereka ialah Tok Cak dan Tok Ku Dah.

Mengikut cerita masa saya dilahirkan tanggungan ibu agak berat kerana ada empat orang abang dan kakak saya yang perlu diberi perhatian. Belum pun usia saya menjangkau setahun, ibu telah mengandungkan pula adik saya Mohd Khir. Jadi bertambah beratlah tanggungan ibu.

Saya juga masa itu mendapat ruam di tangan dan badan, merah-merah dan berasa gatal. Saya tidak selesa dan sebagai bayi tiada pilihan lain hanya pandai menangis. Saya dikatakan perlu diberi perhatian rapi setiap masa. Kebetulan masa itu datuk dan nenek saya, melihat tanggungjawab ibu yang semakin berat lalu memberi kesanggupan mengambil saya.



Tambahan pula masa itu datuk dan nenek hanya tinggal berdua sahaja kerana anak-anak mereka sendiri, iaitu pangkat ayah dan emak saudara sudah berkeluarga. Datuk dan nenek tinggal di Bukit Pinang, Anak Bukit, berhampiran Istana Sultan, iaitu lebih kurang 10 kilometer dari tempat saya dilahirkan.

### **TINGGAL BERSAMA-SAMA TOK CAK DAN TOK KU DAH**

Saya amat rapat dengan Tok Cak dan Tok Ku Dah, maklumlah dibela sejak mengenal dunia ini. Walaupun tidak bersama-sama ibu dan bapa, rasa kasih sayang saya terhadap mereka tidak kurang. Malah boleh saya katakan saya dapat bonus dikasihi oleh nenda saya ini selain ibu dan bapa sendiri. Saya dibesarkan dalam suasana kasih sayang semua ahli keluarga. Tok Cak bekerja dalam Perkhidmatan Kerajaan Negeri Kedah atau Kedah Civil Service (KCS) dan hidup boleh dikatakan dalam keadaan senang juga.

Semasa hujung minggu adik-beradik saya terutama Mohd Khir rajin datang ke tempat saya di rumah di Anak Bukit. Kami bermain seperti kanak-kanak lain juga, main tarik upih, main sorok-sorok, lompat galah dan berlari keliling kampung.

Saya juga kerap balik berjumpa ibu, bapa dan adik-beradik di Jalan Lumpur bila ada sahaja peluang. Ini mengekalkan hubungan mesra dalam kalangan kami sekeluarga.

### **TOK CAK DAN TOK KU DAH MENINGGALKAN KAMI**

Pada sekitar tahun 1960 semasa saya belajar di sekolah menengah, Tok Cak sakit. Dia dimasukkan ke Wad 7 Hospital Alor Setar untuk mendapat rawatan penyakit batu karang. Semasa di wad saya dan Mohd Khir sering menemaninya. Kalau saya sekolah pagi saya pergi sebelah



## PADA MULANYA ...

petang dan sebaliknya. Memanglah sebagai budak-budak kami tidak boleh berbuat apa-apa selain menjadi teman dan tidak meninggalkan Tok Cak bersendirian. Tetapi saya masih ingat, saya membantu Tok Cak minum dan menyuapkan makanan di wad. Tidak lama kemudian Tok Cak meninggalkan kami.

Saya terus tinggal dengan Tok Ku Dah sehingga beberapa tahun kemudian dia pula jatuh sakit lalu keluarga memutuskan Tok Ku Dah berpindah tinggal di rumah bapa saudara kami Md Said iaitu berhampiran dengan rumah ibu dan bapa.

Saya pun kembali duduk dengan ibu bapa serta adik-beradik lain. Masa itu kami telah berpindah dari rumah lama ke rumah di Jalan Durga, Kampung Ku Ismail. Semasa Tok Ku Dah sakit itu saya buat macam Tok Cak sakit dahulu. Setiap hari saya melawat dia. Kalau saya sekolah petang saya pergi sebelah pagi dan sebaliknya. Saya menemaninya dan membantu memberi minum dan menyuapkan makan dan mengelap badannya. Selepas beberapa bulan Tok Ku Dah pula kembali ke rahmatullah.

## ADIK-BERADIK SAYA

Keluarga saya agak besar. Adik-beradik seibu-sebapa seramai 13 orang. Saya anak ketujuh dilahirkan, tetapi kerana dua orang di atas saya meninggal dunia sewaktu kecil, saya menjadi anak kelima daripada 11 beradik. Haji Ismail yang sulung diikuti Mariam, Rogayah, Murat dan saya. Di bawah saya pula ialah Mohd Khir, Asiah, Mohamad, Nazim, Norma dan Manaf@Zaharin. Ibu saya kembali ke rahmatullah pada 17 Oktober 1970, dan bapa berkahwin lagi dan mendapat seorang anak bernama Maimunah.

Setakat buku ini ditulis, Nazim telah kembali ke rahmatullah pada umur 46 tahun, pada 6 November 2002 dalam kemalangan jalan raya di lebuhraya PLUS berhampiran Tangkak. Kakak saya Rogayah



meninggal pada bulan Disember 2003 di Alor Setar pada umur lebih kurang 61 tahun setelah sakit dua hari sahaja. Pada tahun 2009 abang saya yang sulung, Haji Ismail pula meninggalkan kami setelah sakit lebih lima tahun.

Antara 12 orang ini, saya boleh bahagikan adik-beradik kami ini kepada 4 orang pertama iaitu dua orang abang dan dua orang kakak. Mereka berempat ini boleh dikatakan senior dan menikmati tahun-tahun membesar secara agak 'senang' jika dibandingkan dengan saya dan adik-adik lain.

Bapa kami, Ibrahim atau Pak Ain nama gelaran beliau dalam kalangan jiran dan keluarga boleh dianggap 'berada' masa itu. Beliau hanya seorang daripada dua orang yang mempunyai kereta di kampung kami masa itu.

Oleh kerana bapa ada pendapatan yang tetap maka abang-abang dan kakak-kakak saya yang empat itu turut menikmati layanan terbaik. Saya masih ingat mereka ada duit poket tetap. Berbanding saya anak kelima dan adik saya Mohd Khir anak keenam yang lebih kurang dua tahun lebih muda daripada saya, kami berasa seolah-olah tidak mendapat perhatian seperti mereka, mungkin oleh kerana bapa terlalu sibuk dengan kerjaya masa itu.

Sesuatu yang saya masih ingat, arwah bapa agak *strict* dengan saya, semacam tidak begitu serasi. Saya masih ingat bapa belikan adik-beradik basikal tetapi saya tidak, walaupun saya ada meminta dibelikan sebuah. Saya masih ingat juga saya dan Mohd Khir agak sukar mendapatkan duit poket dari arwah bapa berbanding abang-abang dan kakak-kakak saya.

Mungkin juga bapa ingin mengajar agar kami tidak mendapat sesuatu itu dengan mudah, minta sahaja boleh dapat. Saya diajar apa erti susah. Bapa saya bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Kedah. Walaupun beliau bukanlah seorang pegawai kanan namun dia seorang yang tegas, fasih berbahasa Inggeris dan sering menyatakan prinsip hidupnya '*no pain no gain*' serta '*nothing is impossible*.'



## PADA MULANYA ...

Kadang-kadang apabila saya fikirkan semula saya terasa seperti antara bapa dan saya ada suatu macam jurang atau *gap*. Kata orang Melayu dahulu oleh kerana rupa kami seiras jadi kami tidak akrab dan mesra seperti sepatutnya.

Ada kepercayaan orang Melayu masa itu jika anak dan bapa rupa seiras mereka tidak mesra dan anak itu perlu dipakaikan subang telinga dan kemesraan akan terjalin! Entahlah, tetapi ini tidak dilakukan. Mungkin sebagai jalan penyelesaiannya, dengan izin Allah SWT jua nenda saya membesarkan saya.

Oleh kerana bapa memberi perhatian yang lebih kepada empat orang abang dan kakak kami, saya dan Mohd Khir boleh dikatakan agak 'terlepas' daripada perhatian bapa, seolah-olah mendapatkan 'kebebasan' daripada 'kawalan' bapa. Jadi kami gunakan kesempatan ini bergerak bebas ke sana ke mari tanpa banyak larangan.

Hubungan saya dengan Mohd Khir lebih rapat berbanding dengan adik-beradik lain. Mungkin kerana empat orang abang dan kakak itu lebih tua dan ada *age gap* dengan saya dan Mohd Khir.

## ZAMAN PERSEKOLAHAN: SEKOLAH RENDAH

Saya mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan di Alor Merah mulai Darjah 1 pada tahun 1953 dan berada di sekolah itu sehingga habis Darjah 6 tahun 1958. Pada tempoh ini saya tinggal bersama-sama Tok Cak dan Tok Ku Dah. Sekolah tidak jauh dari rumah hanya tiga kilometer sahaja. Saya berbasikal ke sekolah dan apabila basikal rosak atau tayarnya bocor saya berjalan kaki sahaja.

## SEKOLAH MENENGAH

Lepas itu pada tahun 1959 saya masuk *remove class* atau kelas peralihan di Kolej Sultan Abdul Hamid Alor Setar. Dua tahun kemudian adik saya Mohd Khir juga bersekolah di sini.



Kolej ini memang tersohor masa itu, malah hingga sekarang. Kedudukannya setanding dengan Penang Free School, Victoria Institution di Kuala Lumpur, Malay College Kuala Kangsar atau MCKK dan Anderson School di Ipoh. Tetapi jika diambil kira pencapaian bekas muridnya, saya berani mengatakan kolej ini adalah yang terbaik kerana di antara beribu-ribu yang telah berjaya terdapat dua orang telah menjadi pemimpin negara, iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia Pertama dan YAB Tun Dr Mahathir, Perdana Menteri Malaysia Keempat.

Sekolah ini mulanya dinamakan Government English School, Alor Setar. Bapa kepada YAB Tun Dr Mahathir, iaitu Mohamad b Iskandar pernah menjadi anak watan pertama menjadi Guru Besarnya, mengambil alih daripada Guru Besar terdiri daripada orang Inggeris masa itu. Nama kolej ini Sultan Abd Hamid mengambil sempena nama Paduka Ayahanda Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Pada tahun 2008 lalu ia merayakan 100 tahun penubuhannya. Perayaan diadakan di mana Kebawah Duli Sultan Kedah juga berangkat ke Majlis Khas di Dewan Sekolah.

Pada bulan Januari 1959 saya masuk Kelas Peralihan yang dikhaskan untuk murid-murid aliran Melayu dari Sekolah Melayu, juga dari sekolah Cina dan Tamil di mana kami diberi satu tahun belajar dalam bahasa Inggeris. Pada tahun berikutnya saya masuk Tingkatan Satu dalam aliran Inggeris bersama murid-murid lain. Antara pelajar sedarjah yang saya masih ingat ialah Wan Lokman b Wan Ibrahim, sekarang Dato' yang pernah mendapat publisiti semasa mengurus Perlumbaan Basikal Le Tour de Langkawi lebih 10 tahun lalu.

Antara guru-guru yang saya masih ingat ialah Mr Gilbert, Cikgu Kamal Hassan, Mr Joginder Singh dan Guru Besar sekolah Mr Tan Kim Boon. Mata pelajaran yang saya gemari ialah Bahasa Inggeris dan Matematik. Apabila menyentuh tempoh empat tahun belajar di Kolej Sultan Abd Hamid ini saya tidak dapat tidak mesti mengaitkannya dengan adik saya Mohd Khir yang masuk kolej di Kelas Tingkatan Satu.



## MULA MENEROKA BISNES

Walaupun zaman persekolahan ini membawa banyak kenangan sehingga sekarang, namun apa yang berlaku di luar bilik darjah itu yang membawa lebih impak kepada saya. Masa di bangku sekolah inilah saya mula berminat untuk berniaga. Jadi di sini jugalah di samping belajar akademik saya juga belajar berniaga. Saya dan Mohd Khir tahu bapa mampu membiayai persekolahn kami, tetapi kami terdorong untuk berdikari. Lagipun kami perlukan duit poket tambahan dan tiada jalan lain hanya perlu berusaha sendiri.

# MATA-MATA KINI PERMATA

MEMOIR DATO' HJ. ABD RAHMAN

Bermulanya saya mata-mata sahaja, tetapi terbuka hati,  
dengan minat, semangat di dada, mencari peluang berniaga.  
Kalau nak dikira payahnya, letihnya, tak terkira...  
Kini saya rakam pengalaman meneroka bisnes yang asing  
pada mulanya....


Sekarang lebih 35 tahun, rasanya sudahlah berjaya,  
walau tidak sehebat ramai jutawan lain  
Namun saya menikmati sedikit kekayaan pemberian Ilahi,  
sambil mengucap alhamdulillah,

Memoir ini untuk panduan keluarga, juga generasi akan datang,  
menggambarkan pengalaman sukar, pahit getir dijadikan panduan mencipta  
kejayaan mereka pula.

Kalau dahulu saya hanya mata-mata, sekarang mereka sudah ada permata,  
Janganlah sia-siakan kejayaan yang ada, majukanlah, diiringi semangat,  
keringat dan sentiasa mengingat Ilahi.

Juga saya rakamkan penghargaan kepada ibu bapa, sanak saudara yang  
mengiringi dengan doa,  
kepada kepimpinan negara, terima kasih kerana peluang yang diberi, betapa  
bergunanya diusaha sendiri,  
bukan seperti mereka yang menjualnya, menjejaskan kemajuan juga  
menggadai maruah bangsa.

Sekarang tiba masa mencari kejayaan di sana pula,  
Berkongsi dengan yang ada, menambah ibadah  
agar membantu dikemudian hari. Insya-Allah diberkati.



ISBN 978-967-61-2652-8



9 789676 126528



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

mybooks

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA